



UPM Tingkat Taraf Hidup Komuniti Kota Marudu Melalui Pengurusan Lestari Sumber Bakau, Pesisiran Pantai dan Perikanan



Sesi perbincangan berkumpulan antara penyelidik (Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff) bersama penduduk kampung dengan disertai oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

KOTA MARUDU, 16 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM), bersama-sama Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih mengendalikan projek kajian ekosistem bakau dan pengurusan sumber bagi makanan laut dan pelancongan eko mampan komuniti pantai Kota Marudu di Sabah, di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pemilihan dibuat oleh National Oceanography Division (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah dana Science Fund NOD.

"Projek penyelidikan tersebut diketuai oleh Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff akan menekankan peningkatan taraf hidup komuniti Kota Marudu melalui pengurusan lestari sumber bakau, pesisiran pantai dan perikanan daripada 20 pakar UPM," katanya.

Beliau berucap dalam majlis pelancaran projek penyelidikan bersama UPM dan NOD untuk membangunkan komuniti daerah Kota Marudu anjuran NOD, MOSTI dengan kerjasama UPM dan UMS bagi tempoh Februari 2009 hingga Disember 2010.

Majlis pada hari tersebut turut menyediakan sesi perbincangan berkumpulan antara penyelidik bersama stakeholder iaitu dengan 50 penduduk, 22 ketua kampung dan jabatan serta agensi kerajaan.

Dr. Nik Mustapha berkata lga projek penyelidikan UPM terbabit yang dibiayai MOSTI ialah peningkatan ekosistem dan sosio-ekonomi masyarakat tempatan melalui pengurusan sumber bakau yang diketuai oleh Dekan Fakulti Perhutanan, Prof. Madya Dr. Awang Abd. Ghani.

Katanya projek kedua ialah pengurusan bersepadu ekosistem lembangan sungai dan pesisiran pantai yang diketuai Ketua Jabatan Pengajian Alam Sekitar, Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Yusoff dan projek ketiga ialah urusn pengurusan bersama sumber perikanan diketuai Pengarah Dasar Pertanian dan Makanan, Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad.

"Ketiga-tiga projek tersebut merangka pelan pembangunan jangka pendek dua tahun dan jangka panjang lima tahun dengan mengambil kira multi dimensi manusia (sosio-ekonomi), sumber (hutan bakau, hidupan liar, fauna dan flora) serta persekitaran (pencegahan pencemaran dan perubahan habitat)," katanya.

Sementara itu Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff berkata objektif utama projek tersebut ialah membangunkan pelan pengurusan sumber bakau bagi pelancongan eko secara lestari; membangunkan pelan pengurusan untuk ekosistem, sumber sungai dan pesisiran pantai serta membangunkan rancangan bagi penggunaan lestari sumber marin tanpa menjejaskan potensi masa hadapan

Katanya UPM diwakili dua fakulti dan dua institut iaitu Fakulti Perhutanan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Institut Biosains dan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan.

Beliau berkata projek yang telah dilancarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Maximus Ongkili pada 16hb Oktober 2008 itu diharapkan mencapai matlamat hasil sokongan semua pihak seperti kerajaan, universiti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), usahawan dan penduduk kampung.

"Model pembangunan yang berkesan ini dapat dimanfaatkan bukan sahaja di Kota Marudu tetapi juga boleh diaplikasikan di merata tempat di seluruh negara bagi memastikan kesejahteraan persekitaran dan kehidupan masyarakat," katanya.

Kota Marudu merupakan sebuah daerah yang sedang membangun dengan kebanyakan penduduknya bergantung kepada aktiviti pertanian dan sumber asli seperti hutan bakau dan perikanan sebagai mata pencarian utama mereka.

Projek mega yang dibangunkan tanpa mengambil kira ekologi alam sekitar dan kelestarian ekosistem boleh menyebabkan pencemaran dan perubahan habitat berpotensi mengurangkan hutan bakau menyebabkan kemerosotan penangkapan ikan serta mengurangkan hasil bakau serta produk hutan yang berkaitan, malah boleh menyebabkan kepupusan sesetengah spesies.

Pada masa ini ekosistem hutan bakau Kota Marudu boleh dikatakan masih bertahan dan mampu membekalkan sumber hidupan hutan dan akuatik (sungai, muara dan laut) yang agak lumayan kepada penduduk sekitar daerah Kota Marudu, Kudat dan Pitas.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.